



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

16 JUN 2023 (JUMAAT)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (KPDN)

16 JUN 2023 (JUMAAT)

Jawatankuasa dibentuk pastikan keterjaminan bekalan bahan mentah seluruh negara **4 kementerian pantau bekalan gula**

Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA – Sebuah jawatankuasa atau *task force* rentas kementerian diwujudkan bagi menyelesaikan masalah bekalan gula secara komprehensif.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, jawatankuasa itu berperanan untuk memantau status pengeluaran serta pengedaran gula putih bertapis kasar dan halus.

"*Task force* ini terdiri daripada empat kementerian iaitu KPDN, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Ekonomi," katanya dalam satu hantaran di Facebook di sini semalam.

Menurut beliau, dengan penglibatan empat kementerian, cadangan tindakan penyelesaian jangka pendek, sederhana dan panjang dapat dirangka bagi memastikan keterjaminan bekalan gula negara.

Bulan lalu, berlaku gangguan bekalan gula di beberapa lokasi



KERATAN Kosmo! 23 Mei 2023.

PENGELUARAN gula dipantau elak ketirisan. – GAMBAR HIASAN

di Kedah yang berpunca daripada kelewatan penghantaran, namun ia berjaya ditangani dengan segera.

Media turut melaporkan ber-

laku kekurangan bekalan gula sehingga menjejaskan ramai peniaga dan pengusaha premis makanan di Terengganu dan Kelantan.

Task force ini terdiri daripada empat kementerian iaitu KPDN, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Ekonomi."

Susulan masalah berkenaan, KPDN melancarkan Ops Manis bagi mengatasi masalah itu.

Salahuddin pada 20 Mei lalu berkata, negara tidak berhadapan dengan 'krisis' gula kerana bekalan bahan tersebut dalam keadaan terkawal.

Kementeriannya sudah bertemu dengan dua syarikat gula dalam negara iaitu MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) dan Central Sugar Refinery Sdn Bhd (CSR) dan jaminan bekalan bahan tersebut adalah mencukupi.

Takkan tak sedar harga susu formula naik di pasaran?



KERAJAAN diminta menyelami dan memahami bebanan yang ditanggung oleh golongan kurang berkemampuan yang semakin ditekankan dengan kos sara hidup tinggi. - **UTUSAN/FARIZ RUSADIO**

Mohideen Abdul Kader ketika dihubungi menyedari ribuan pembeli susu formula kanak-kanak terpaksa menanggung beban akibat kenaikan harga yang selalu sangat terjadi.

"Ia sememangnya menandakan kegusaran khususnya bagi kumpulan berpendapatan rendah kerana harga bagi beberapa barangan keperluan harian dilihat naik secara mendadak, iaitu sehingga lebih 50 peratus," katanya.

Justeru, beliau menyeru KPDN untuk memeriksa sama ada kenaikan ini adalah wajar selain tidak mahu pengeluar dan pemborong mengambil keuntungan berlipat kali ganda daripada perbelanjaan dikeluarkan oleh pengguna selain meletakkannya di bawah harga kawalan bagi menstabilkan harga produk berkenaan.

SABOTAJ

Turut senada, Ketua Aktivist Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan yang meminta kerajaan meletakkan

susu formula di bawah senarai barang kawalan memandangkan minuman itu penting untuk perkembangan pembesaran anak-anak selain melihat keperluan untuk meletakkannya di bawah undang-undang sabotaj.

"Kerajaan perlu lihat semula kerana wujud kemungkinan ia berkaitan sabotaj kepada rakyat mahupun kerajaan. Apa pun, ia tetap memberi kesan besar kepada rakyat dan kita tidak boleh membenarkannya berlaku.

"Selain itu, syarikat-syarikat pemborong perlu dikawal selia agar dapat mengelakkan permainan harga," ujarnya.

Justeru, Nadzim meminta orang ramai untuk berani tampil mendedahkan perkara ini kepada persatuan pengguna agar satu tindakan holistik dapat diambil bagi membendung kenaikan harga yang melampau.

"Rakyat boleh bersama kerajaan dengan memberi maklumat kenaikan harga supaya kerajaan boleh mengambil tindakan segera.

Kalau orang tak lapor dengan betul pun susah juga. Mungkin bila ada laporan, ada orang tanya, kita pun tidak tahu. Itu kelemahan pengguna. Jadi, hari ini kena ubah, kalau tidak kita 'mati,' katanya lagi.

BANTUT

Khairy Jamaluddin semasa memegang portfolio Menteri Kesihatan pernah menyatakan, masalah bantut tidak boleh dipandang ringan kerana ia bukan sahaja memberi cabaran kesihatan mental, fizikal mahupun pergaulan sosial tetapi lebih buruk, boleh membawa maut.

Malah, beliau ketika itu memberi keyakinan bahawa semua isu berkaitan nutrisi dan pemakanan akan ditangani oleh Jawatankuasa Khas Memerangi Masalah Beban Berganda Melpemakanan Dalam Kanak-Kanak memabatkan penyediaan makanan serta akses bahagian makanan yang mencukupi untuk kanak-kanak seperti harga makanan daripada sumber protein dan

harga susu formula mampu milik.

Namun apa jadi kini? Adakah aspek pemakanan seimbang yang menjadi tumpuan utama kerajaan tidak menyedari kenaikan harga susu formula di pasaran tempatan?

Pada 2019, masalah bantut di negara ini adalah sebanyak 21.8 peratus dan kerajaan menasarkannya ia dapat dikurangkan kepada lapan peratus menjelang 2030. Faktor utama menyumbang masalah itu adalah kekurangan zat makanan. Pemakanan yang baik penting untuk tumbesaran dan perkembangan kanak-kanak di semua peringkat khususnya dalam tempoh pembentukan, iaitu satu hingga lima tahun serta awal keremajaan (10 hingga 15 tahun).

Namun, sekiranya harga susu formula terus naik, maka kanak-kanak akan kekurangan nutrien seperti protein, kalsium dan vitamin untuk tumbesaran. Ini sekali gus akan menggagalkan usaha kerajaan untuk mengurangkan kadar pembantutan dalam tempoh tujuh tahun lagi.

Walaupun kita mempunyai Rancangan Makanan Tambahan (RMT) di sekolah, namun masalah bantut ini melibatkan kanak-kanak pada 1,000 hari pertama kehidupan mereka. Ini bermakna kanak-kanak perlu dilengkapi nutrisi yang cukup sejak hari pertama dilahirkan.

Jadi, kerajaan perlu segera lihat cara bagaimana boleh membantu menyelesaikan masalah ini dengan melakukan semak dan imbang dengan memastikan harga susu formula kanak-kanak tidak dinaikkan sewenang-wenangnya. Cubalah 'masuk' dan fahami bebanan yang ditanggung oleh golongan kurang berkemampuan yang semakin ditekankan dengan kos sara hidup melampau tingginya.

PENULIS ialah wartawan Utusan Malaysia.



SEBUAH lori tangki ditemui di tapak pembinaan di Kuala Terengganu kelmarin.

Aktiviti selewang minyak diesel di tapak pembinaan

KUALA TERENGGANU – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berjaya menumpaskan aktiviti penyelewengan minyak diesel yang berselindung di sebalik projek tapak pembinaan di bandar raya ini kelmarin.

Dalam serbuan pukul 3.30 petang itu, pasukan penguat kuasa berjaya merampas 32,670 liter minyak diesel bernilai keseluruhan RM510,434.

Pengarah KPDN Terengganu, Saharuddin Mohd. Kia berkata, dua lelaki berusia dalam lingkungan 30-an dan 40-an disyaki anggota sindiket penyeludupan terbabit turut diberkas.

"Kita telah melakukan risikan selama dua minggu sebelum menyerbu tapak terbabit.

"Serbuan menemui sebuah lori tangki, beberapa tangki

simpanan berisi minyak diesel dan beberapa peralatan lain yang disyaki digunakan untuk kegiatan pemindahan minyak diesel tersebut," katanya.

Saharuddin berkata, pasukan penguat kuasa KPDN turut menyita beberapa dokumen berkaitan aktiviti penyelewengan minyak diesel itu.

Tambahnya, siasatan lanjut dilakukan bagi mengenalpasti rantai pembekalan dan pengedaran minyak diesel tersebut.

"Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM1 juta atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya.

"Jika pesalah syarikat, denda maksimum RM2 juta boleh dikenakan," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

MEDIA ONLINE (KPDN)

16 JUN 2023 (JUMAAT)

BERITA ONLINE BERTARIKH 16 JUN 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
16-Jun	"Jualan Rahmah" sales to offer up to 30% off on selected items for Hari Raya Haji	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/06/15/jualan-rahmah-sales-to-offer-up-to-30-off-on-selected-items-for-hari-raya-haji	THESTAR
16-Jun	Sindiket seleweng diesel subsidi di tapak pembinaan tumpas	https://www.utusan.com.my/terkini/2023/06/sindiket-seleweng-diesel-subsidi-di-tapak-pembinaan-tumpas/	UM
16-Jun	KPDN serbu stor haram seleweng LPG	https://malaysiagazette.com/2023/06/15/kpdn-	MALAYSIAGAZETTE
16-Jun	KPDN tumpaskan aktiviti seleweng gas petroleum cecair di Mantin	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2198252	BERNAMA
16-Jun	KPDN tumpaskan aktiviti seleweng LPG di Mantin	https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/kpdn-tumpaskan-aktiviti-seleweng-lpg-di-mantin/	KOSMO
16-Jun	Aktiviti seleweng minyak diesel di tapak pembinaan tumpas	https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/aktiviti-seleweng-minyak-diesel-di-tapak-pembinaan-	KOSMO
16-Jun	KPDN Mukah encourages public to seize opportunity during Program Jualan Rahmah	https://www.theborneopost.com/2023/06/16/kpdn-mukah-encourages-public-to-seize-opportunity-during-program-jualan-rahmah/	THEBORNEOPOST
16-Jun	KPDN anjur Jualan Rahmah seluruh negara sempena Aidiladha	https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/kpdn-anjur-jualan-rahmah-seluruh-negara-sempena-aidiladha/	KOSMO
16-Jun	Jualan Rahmah sempena Aidiladha di 600 dun bermula esok	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2198353	BERNAMA
16-Jun	Jualan Rahmah sempena Aidiladha di 600 DUN bermula esok	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/06/978013/jualan-rahmah-sempena-aidiladha-di-600-dun-bermula-esok	HM

16-Jun	Jualan Rahmah sempena Aidiladha di 600 DUN bermula esok	https://www.melakahariini.my/jualan-rahmah-sempena-aidiladha-di-600-dun-bermula-esok/	MELAKAHARINI
16-Jun	Jualan Rahmah sempena Aidiladha di 600 DUN bermula esok	https://mediavariasi.com/2023/06/jualan-rahmah-sempena-aidiladha-di-600-dun-bermula-esok/	MEDIAVARIASI
16-Jun	Aidiladha: Rahmah sales programme at 600 constituencies from tomorrow	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/06/920463/aidiladha-rahmah-sales-programme-600-constituencies-tomorrow	NST
16-Jun	Jualan Rahmah di 600 DUN sempena Aidiladha bermula esok	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/06/1114881/jualan-rahmah-di-600-dun-sempena-aidiladha-bermula-esok	BH
16-Jun	Fuziah: 'Rahmah Sale' slated for 640 state constituencies nationwide in conjunction with Hari Raya Aidiladha	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/06/15/fuziah-rahmah-sale-slated-for-640-state-constituencies-nationwide-in-conjunction-with-hari-raya-aidiladha/74449	MALAYMAIL
16-Jun	Aidiladha: Rahmah sales programme at 600 constituencies from tomorrow	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2198414	BERNAMA
16-Jun	Jualan Rahmah sempena Aidiladha di 600 DUN bermula esok	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/jualan-rahmah-sempena-aidiladha-di-600-dun-bermula-esok-424086%3famp=1	ASTROAWANI
16-Jun	Night markets roped into MySave-Food programme	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/06/16/night-markets-roped-into-mysavefood-programme	THESTAR

16-Jun	4 kementerian pantau pengeluaran, pendedaran gula	https://www.kosmo.com.my/2023/06/15/4-kementerian-pantau-pengeluaran-pendedaran-gula/	KOSMO
16-Jun	Lotus's lancarkan stor baharu ke-66	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/bisnes/2023/06/978131/lotuss-lancarkan-stor-baharu-ke-66	HM
16-Jun	KPDN bongkar penyelewengan diesel bernilai setengah juta	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/263640	SH